

Paras sungai normal

Metro 2/12

Banjir bukan dalam masa terdekat

>>Oleh Badrila Jamlus

jbad@hmetro.com.my

PUTRAJAYA: Jangkaan bahawa beberapa negeri khususnya di Pantai Timur akan dilanda banjir besar pada akhir tahun ini tidak mungkin berlaku dalam tempoh masa terdekat ini.

Ini kerana, berdasarkan pemerhatian oleh Bahagian Hidrologi dan Sumber Air, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mendapati, paras air sungai utama masih dalam keadaan normal atau diletakkan pada paras waspada.

Ketua Penolong Pengarah bahagian itu, Low Koon Sing, berkata mengikut pemetaan aras sungai utama di Kelantan, Pahang dan Terengganu, paras air masih berada dalam keadaan normal.

"Pada masa terdekat ini, kemungkinan besar tidak ada banjir berlaku di kawasan Pantai Timur....setakat ini normal lagi.

"Lagipun, sejak seminggu lalu, hujan tidak begitu lebat di Pantai Timur tetapi cuaca boleh berubah bila-bila masa yang mungkin akan menyebabkan negeri terbabit dilanda banjir," katanya pada sidang media selepas mesyuarat Jawatankuasa Kerja Pe-

ngurusan Banjir Biro Keselamatan Negara di sini, semalam.

Mesyuarat itu dipengerusikan Pengarah Direktorat Pengurusan Krisis dan Bencana Biro Keselamatan Negara, Che Moin Umar.

Low berkata, Pusat Remote Sensing Negara (Macres) sentiasa mengadakan pemantauan paras air sungai utama di ketiga-tiga negeri itu menerusi imej satelit setiap dua kali sehari.

Sementara itu, Che Moin berkata adalah sukar untuk meramalkan bila banjir akan berlaku berdasarkan kepada laporan dari Jabatan Meteorologi dan JPS kerana pelbagai faktor diambil kira termasuk melihat kepada paras air yang berpandukan kepada taburan hujan tempatan.

Bagaimanapun, katanya semua pihak yang terbabit dalam Jawatankuasa Pengurusan Krisis dan Bencana sudah diletakkan dalam keadaan bersiap sedia untuk menghadapi banjir menjelang musim tengkujuh ini.

"Taburan hujan dikesan dari semasa ke semasa dan menerusi kaedah itu, kita akan membina profil hujan untuk menjangkakan bila banjir boleh berlaku agar sistem amaran awal dapat diberikan," katanya.